



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 18 / 2021

PROSES PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA KE-15

1. Hari ini telah dijalankan proses penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Melaka ke-15 **di 28 Pusat Penamaan Calon** seluruh Negeri Melaka.
2. Selepas tempoh penamaan calon ditutup pada pukul **10.00 pagi**, seramai **112 calon** mewakili pelbagai parti disahkan bertanding dalam PRU DUN Melaka ke-15.
3. SPR telah menerima dan mengesahkan sebanyak **112 KERTAS PENAMAAN** yang layak bertanding bagi PRU DUN Melaka ke-15 daripada pihak-pihak seperti berikut:

BIL.	PARTI	JUMLAH
1.	Barisan Nasional (BN)	28
2.	Perikatan Nasional (PN)	28
3.	Pakatan Harapan (PH)	28
4.	Parti Bumiputra Perkasa Malaysia (PUTRA)	5
5.	Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN)	1
6.	Bebas	22
JUMLAH		112

4. **Pertandingan Mengikut Penjuru**

Secara keseluruhannya, **bilangan pertandingan mengikut penjuru** adalah seperti berikut:

BIL	PENJURU	BILANGAN DUN
1.	3 penjuru	11
2.	4 penjuru	9
3.	5 penjuru	5
4.	6 penjuru	3

5. **Calon Yang Bertanding Mengikut Jantina**

Bilangan **calon yang bertanding mengikut jantina** adalah seperti berikut:

BIL	JANTINA	JUMLAH
1.	Lelaki	96
2.	Wanita	16

6. **Calon Yang Bertanding Berdasarkan Umur**

(i) Bilangan **calon yang bertanding berdasarkan julat umur** adalah seperti berikut:

BIL	JULAT UMUR	BILANGAN CALON
1.	21 - 29	9
2.	30 - 39	21
3.	40 - 49	35
4.	50 - 59	36
5.	≥ 60	11

- (ii) Umur **calon tertua dan calon termuda yang bertanding** adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	UMUR CALON
1.	Umur Calon Tertua (DUN N.15 Pengkalan Batu)	68 tahun
2.	Umur Calon Termuda (DUN N.28 Sungai Rambai)	21 tahun

7. **Tempoh Rasmi Berkempen**

Dengan selesainya proses penamaan calon tersebut, maka **tempoh berkempen bermula** selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh pegawai pengurus sehingga jam **11.59 malam, 19 November 2021.**

- (i) SPR telah menubuhkan **28** Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) untuk memantau semua aktiviti calon ketika berkempen.
- (ii) Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah membuka bilik gerakan yang beroperasi **selama 24 jam bermula dari 8 November 2021 sehingga 20 November 2021. Nombor *hotline*** yang boleh dihubungi untuk sebarang aduan ialah **06-289 6000 atau 06-289 6011.**

8. Calon yang membayar deposit bahan kempen pilihan raya **DIBENARKAN** untuk mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya yang mengandungi gambar calon, lambang/ simbol parti dan gambar pemimpin parti yang diwakilinya termasuklah

lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti komponen yang berdaftar secara rasmi.

9. Bahan-bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pelekat dan poster **hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya KECUALI** bendera, poster simbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
10. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau yang boleh mendatangkan permusuhan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
11. SPR ingin memaklumkan bahawa Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan COVID-19 Bagi Pelaksanaan PRU DUN Melaka Ke-15 telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada **7 November 2021 (Ahad)** selaras dengan **Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021.**
12. SOP khas ini akan dilaksanakan dengan ketat di semua proses perjalanan pilihan raya iaitu taklimat petugas, proses cetakan dan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan penjumlahan rasmi undi.
13. Sepanjang tempoh berkempen, calon atau parti hanya dibenarkan untuk membuka **satu Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Utama)**

untuk satu DUN dan TIADA Bilik Gerakan Kecil atau tempat perkumpulan lain bagi calon atau parti dibenarkan.

14. Bagi mematuhi penjarakan fizikal, ceramah yang menghimpunkan orang ramai **TIDAK DIBENARKAN**. Begitu juga aktiviti ziarah oleh calon atau penyokong parti ke rumah-rumah pengundi dan aktiviti *walkabout* adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Calon boleh memaksimumkan kaedah kempen menggunakan medium atas talian atau melalui saluran media massa dan media sosial.
15. Calon **DIBENARKAN** untuk berkempen melalui kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara pada waktu yang ditetapkan dalam permit. Calon perlu mendapatkan permit dari pihak polis. Tempoh masa dan lokasi untuk berkempen adalah tertakluk kepada permit yang diluluskan oleh pihak polis. Kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara **TIDAK DIBENARKAN** berhenti di sepanjang laluan dalam menyampaikan ceramah. Calon-calun yang bertanding masih tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5). Maklumat lanjut berkenaan SOP Pencegahan Covid-19 PRU DUN Melaka Ke-15 boleh diperolehi di portal spr.gov.my.
16. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen yang dibenarkan akan berjalan dengan suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
17. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.

18. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Insolvency Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI BIN SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 8 November 2021 / 3 Rabiulakhir 1443H